

PANDUAN PENERBITAN KARYA SUNTINGAN/BAB DALAM BUKU (EDITED BOOK)

PENERBIT UniMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
<https://penerbit.unimap.edu.my>

PANDUAN PENERBITAN KARYA SUNTINGAN/ BAB DALAM BUKU

PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu ahli akademik atau penulis menghasilkan buku penyelidikan. Penerbitan buku penyelidikan dapat memperbanyakkan karya yang bersifat penyelidikan saintifik di universiti bagi tujuan menyebarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik.

OBJEKTIF

1. Menyebarkan hasil-hasil penyelidikan universiti kepada penyelidik, pelajar, industri dan masyarakat.
2. Meningkatkan dan memperbanyak koleksi penulisan dan penerbitan ilmiah di peringkat universiti.
3. Membudayakan penulisan ilmiah dalam kalangan ahli akademik khususnya penyelidik yang menjalankan kajian.
4. Meningkatkan jumlah penerbitan ilmiah dan memenuhi keperluan data penerbitan MYRA.

KARYA SUNTINGAN/ BAB DALAM BUKU (EDITED BOOK)

Karya Suntingan adalah buku yang mengandungi beberapa bab yang mana setiap bab ditulis oleh penulis yang berbeza dan diselenggara oleh seorang atau beberapa editor/penyunting. Buku Karya Suntingan atau Bab dalam Buku seharusnya mempunyai satu tema yang luas dan judul setiap bab haruslah diikat oleh tema yang sama. Karya suntingan juga adalah buku saintifik yang ditulis secara sistematik berdasarkan fakta, keputusan, hasil kajian, analisa kritis, hujah serta perbincangan tentang kajian yang dilaksanakan.

Kajian penyelidikan yang selalunya melibatkan lebih seorang pengkaji, maka terdapat buku karya suntingan/bab dalam buku yang ditulis lebih daripada seorang pengarang. Dalam banyak keadaan karya suntingan/bab dalam buku memerlukan penghuraian lanjut lebih daripada apa yang diperlukan oleh sebuah artikel untuk jurnal.

KONSEP DAN KAEDAH PENERBITAN KARYA SUNTINGAN/BAB DALAM BUKU

Buku karya suntingan ini akan diterbitkan secara digital dan juga bercetak bagi tujuan sebaran kepada ahli akademik, pelajar, penyelidik, industri dan masyarakat. Universiti menetapkan dan mewajibkan mana-mana penyelidik yang memperolehi geran penyelidikan dikehendaki menerbitkan buku.

CIRI-CIRI DAN KRITERIA KARYA SUNTINGAN/BAB DALAM BUKU

Kandungan buku mestilah berkait dengan tajuk buku. Sesebuah buku karya suntingan mestilah sekurang-kurangnya mempunyai 6 hingga 15 bab. Semua bab yang ditulis mestilah tentang isu dan tema buku berkenaan. Keseluruhan bab yang dikumpulkan mestilah menunjukkan kesatuan idea dan pemikiran yang koheren.

1. Penulisan mestilah bersifat saintifik dan Ilmiah.
2. Penulisan yang menumpukan pada satu tema isu dengan berbilang pengarang/penulis
3. Ditulis oleh beberapa penyumbang dan disunting oleh sarjana atau ahli akademik yang pakar dalam bidang buku yang berkenaan.
4. Dalam penerbitan bab dalam buku, ia mempunyai bahagian pengenalan/pendahuluan.
5. Memaparkan nama editor di kulit buku dan di halaman judul.
6. Nama penyumbang diletakkan di setiap bab.
7. Bilangan minimum bab ialah enam (6) dan boleh mengandungi maksimum 15 bab.
8. Semua bab menggunakan sistem dan gaya rujukan yang sama dan hendaklah ditulis tidak melebihi lima (5) penyumbang bagi setiap bab.
9. Bilangan halaman bagi setiap bab mestilah seimbang antara bab-bab yang lain dan sekurang-kurangnya 15-30 halaman.

STRUKTUR DAN ELEMEN MANUSKRIP

Struktur dan elemen kandungan sesebuah buku penyelidikan adalah seperti berikut:

Penulisan bab dalam buku: koleksi bab terdiri daripada pelbagai penyelidikan berlainan. Semua bab boleh disumbang oleh pengarang yang sama atau berbilang

pengarang sebagai buku yang disunting.

1. Halaman Judul (*Title Page*)
2. Halaman Hak Cipta
3. Jadual Kandungan
4. Senarai Rajah
5. Senarai Jadual
6. Senarai Singkatan
7. Senarai Penyumbang
8. Penghargaan
9. Prakata
10. Pengenalan (Sekiranya Bab 1 bukan Pengenalan)
11. Bab 1...Penyelidikan 1
12. Bab 2...Penyelidikan 2
13. Bab 3...Penyelidikan 3
14. Bab 4...Penyelidikan 4
15. Bab 5...Penyelidikan 5
16. Bab 6 Penyelidikan 6
17. Bab 7 Penyelidikan 7
18. Bab 8 Penyelidikan 8
19. Bab 9 Kesimpulan
20. Indeks
21. Lampiran (*Appendix*)

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYUMBANG DAN EDITOR

Peranan Penyumbang

1. Seorang **penyumbang** hanya dibenarkan menyumbang penulisan **tidak melebihi 30%** daripada bilangan keseluruhan bab.
2. Mengisi dan menandatangani Borang Perjanjian Penyumbang Bab dalam Buku.
3. Memastikan manuskrip(bab) yang dihantar tidak melanggar mana-mana undang-undang hak cipta.

Peranan Editor/Penyunting

1. Pembinaan buku karya suntingan diuruskan oleh **Editor**. Sekiranya lebih daripada seorang Editor (**maksimum tiga [3] orang**) dan salah seorang Editor dilantik menjadi Editor Utama.
2. Editor mestilah mengenal pasti bidang tujahan utama buku dan membuat penilaian awal sama ada menerima atau menolak bab yang tidak mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan.
3. Editor utama mesti menulis atau menyumbang satu bab pengenalan/pendahuluan yang merangkumi kepakaran bidang secara keseluruhan terhadap pembangunan ilmu bidangnya.
4. Bertanggungjawab dalam mengumpul/mendapatkan penyumbang bab, membuat kerja-kerja suntingan, penyemakan prof.
5. Memastikan setiap manuskrip yang dihantar telah melalui proses semakan plagiarism.
6. Menjadi pengantara dan berkerja rapat dengan tiga pihak sepanjang tempoh penerbitan iaitu Penerbit UniMAP, penyumbang dan penilai.
7. Perlu memohon kebenaran penyumbang menerusi Borang Perjanjian Penyumbang Bab dalam Buku untuk menerbitkan artikel mereka.
8. Setiap Editor boleh menyumbang penulisan bab dalam buku yang diuruskannya, tetapi tidak melebihi 20% daripada bilangan keseluruhan bab.
9. Memastikan setiap manuskrip/bab yang dihantar telah melalui proses semakan plagiarism.

BAHASA

Penerbit UniMAP menerima manuskrip dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

ILUSTRASI (KULIT DEPAN)

Reka bentuk ilustrasi pada kulit depan hanya akan menggunakan satu standard ilustrasi yang ditetapkan bagi mewujudkan keseragaman dan kesepaduan identiti siri /bab dalam buku yang diterbitkan. Reka bentuk kulit akan disediakan oleh Penerbit.

GANJARAN/HONORARIUM/ROYALTI

Dalam penerbitan karya suntingan/bab dalam buku, pembahagian akan mengikut kadar 25:75, iaitu 25% adalah untuk penyunting manakala 75% dikongsi oleh semua penyumbang. Royalti akan dibayar setelah setahun buku berada di pasaran.

SPEKSIFIKASI DAN FORMAT

Penerbitan buku karya suntingan/bab dalam buku ini akan diterbitkan dalam bentuk digital dan bercetak berdasarkan keperluan dan permintaan.

Format Bercetak (Sekiranya diperlukan)

1. Saiz Buku : 6 inci x 9 inci
2. Jenis Kertas Kulit: Artcard 260 gsm (Matt Laminate)
3. Jenis Kertas Teks : Simile 80 gsm
4. Cetakan Kulit: Warna
5. Cetakan Teks: Warna/Hitam Putih
6. Kekemasan: *Perfect Binding*

Format Digital

Semua judul yang diterbitkan akan ditukar format kepada bentuk digital iaitu dalam bentuk PDF/EPUB.

PEMBINAAN JUDUL

Kata kunci bagi mengungkap dan menyerlahkan kandungan keseluruhan buku. Ciri judul buku yang baik hendaklah bersifat:

1. Ringkas, tepat, spesifik dan menarik.
2. Membayangkan keseluruhan kandungan buku.
3. Menerangkan bidang setepat yang mungkin.
4. Mengandungi kata kunci bagi memudahkan capaian maklumat.
5. Menggunakan perkataan yang mudah difahami.
6. Tidak menggunakan kata kerja.

BLURB/SINOPSIS

Bahagian belakang pada kulit buku yang mengandungi sinopsis buku, kelompok sasar pembaca, biodata penulis dan kata sanjungan daripada tokoh-tokoh terkenal dalam bidang berkaitan (jika ada).

PENYEDIAAN ENTRI INDEKS

Entri daftar kata penting menurut abjad dan diletakkan di bahagian akhir buku.

1. Senarai entri indeks hendaklah disediakan oleh penulis.
2. Indeks boleh terdiri daripada kata, nama, dan frasa atau subjek.
3. Setiap penulisan buku indeks perlu mempunyai indeks.
4. Indeks membantu pembaca untuk mencari maklumat dalam teks buku.

PEMBINAAN DAN PENYEDIAAN MANUSKRIP

1. Penulis dikehendaki boleh menyerahkan salinan manuskrip akhir dalam bentuk digital atau *softcopy*.
2. Manuskrip hendaklah ditaip dengan kemas, bersih dan selaras dengan menggunakan *template* yang disediakan.
3. Sesebuah manuskrip ditakrifkan sebagai lengkap apabila ia memenuhi syarat untuk diterbitkan sebagai sebuah buku. Pada umumnya sesebuah buku mengandungi tiga bahagian utama yang terdiri daripada Bahagian Awalan, Bahagian Teks dan Bahagian Akhiran. Oleh itu, Penulis hendaklah memastikan manuskrip yang disediakan mengandungi ketiga-tiga bahagian berkenaan.
4. Gaya rujukan adalah bergantung kepada bidang atau kandungan manuskrip yang dihasilkan. Pengarang boleh menggunakan gaya rujukan IEEE, CBE, MLA dan lain-lain dengan memastikan rujukan tersebut lengkap dan selaras. Pengarang/Penulis juga digalakkan mengikut dan menerima pakai Gaya Dewan, *American Psychological Association*(APA) dan *Chicago Manual of Style* dalam penyediaan manuskrip seperti penggunaan huruf besar, huruf condong, tanda bacaan, sistem penomboran akronim, ejaan dan tatabahasa.
5. Penulis manuskrip sains dan kejuruteraan perlu memberi perhatian yang mendalam kepada aspek keseragaman dalam penggunaan istilah, unit ukuran, dimensi, simbol, rumus matematik, tanda-tanda teknikal dan lain-lain. Penggunaan aspek di atas hendaklah mengikut piawai *Gaya Dewan*.
6. Reka letak teks sebaik-baiknya hendaklah diberikan perhatian di peringkat mula penyediaan manuskrip menurut peringkat-peringkat di bawah:

TAJUK BAB - boleh dibuat dalam huruf besar, atau huruf besar dan huruf kecil, dan diletakkan sama ada di tengah-tengah, santak ke kiri atau ke kanan menggunakan saiz taip yang sesuai. Pecahan tajuk kepada subtajuk boleh dibuat tetapi pecahan lebih daripada (5) subtajuk tidak digalakkan. Pecahan subtajuk boleh dibuat dengan menggunakan panduan status pecahan seperti berikut:

- a) **Subtajuk Pertama**
TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN BOLD;
- b) **Subtajuk Kedua**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, dan Bold;
- c) **Subtajuk Ketiga**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil, Bold dan Italik;
- d) **Subtajuk Keempat**
TERDIRI DARIPADA HURUF BESAR DAN MEDIUM;
- e) **Subtajuk Kelima**
Terdiri Daripada Huruf Besar, Huruf Kecil Dan Italik;

PERMOHONAN PENERBITAN

Bagi memastikan proses penerbitan dapat ditangani secara lancar, penulis atau bakal penulis dinasihatkan supaya menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan sepanjang menguruskan kerja-kerja penulisan atau penyediaan manuskrip (disebut juga taip skrip)

Setiap permohonan menerbitkan buku penyelidikan boleh dibuat dengan menghantar manuskrip yang telah disiapkan. Penulis yang berminat untuk menghasilkan penulisan karya disarankan supaya menghantar permohonan kepada Penerbit UniMAP dengan mengemukakan permohonan dengan mengisi **Borang Pemohonan Penerbitan Buku**.

PENYERAHAN MANUSKRIP

1. Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UniMAP, hendaklah merupakan cetusan idea terakhir penulis dan BUKANNYA suatu draf yang akan diubah kemudiannya.
2. Semua ilustrasi seperti fotografi, gambar rajah, carta, graf, peta, dan sebagainya hendaklah diserahkan dalam bentuk yang berkualiti. Mana- mana ilustrasi, fotografi, gambar rajah, carta dan sebagainya yang mempunyai dan dilindungi hak cipta, penulis atau pengarang perlu mendapatkan keizinan daripada pemilik asal. Penerbit UniMAP dan Universiti tidak bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran atau tuntutan berkaitan hak cipta.
3. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan terus kepada:

**BAHAGIAN EDITORIAL
PENERBIT UniMAP,
Universiti Malaysia Perlis,
No 11 & 13 Jalan Tiga,
Pusat Perniagaan Pengkalan Jaya,
01000 Kangar, Perlis.**

E-mel: zamimi@unimap.edu.my
fatinnadia@unimap.edu.my